



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14 / 8 / 2017



SALAH seorang suspek yang dipercayai mencetuskan kekecohan semasa forum berlangsung ditahan polis.



TINDAKAN peserta yang terdiri daripada ahli-ahli Armada PPBM membakar suar ketika Forum Nothing To Hide 2.0 mencetuskan keadaan huru-hara di Dewan Raja Muda Musa, Seksyen 7, Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

- Forum huru-hara, peserta tidak puas hati
- Ahli-ahli Armada PPBM bergaduh sesama sendiri

Jawapan Dr. Mahathir punca kekecohan

UM-14/8/2017 pg. 4

Oleh MOHD.ASRON MUSTAPHA
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

SHAH ALAM 13 OGOS

KERUSI berterbangan, suar dibakar, kasut dibaling dan pergaduhan tercetus.

Inilah suasana kecoh di Forum Nothing To Hide 2.0 anjuran Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) di Dewan Raja Muda Musa, Seksyen 7 di sini yang dihadiri oleh Pengerusinya, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Segala-galanya bermula pada pukul 5.30 petang, dua jam selepas program berlangsung apabila peserta-peserta forum yang terdiri daripada ahli-ahli Armada PPBM tidak berpuas hati dengan jawapan Dr. Mahathir berhubung tragedi berdarah Menali.

Beliau yang sebelum itu berucap mengemuka kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dilihat tergamam apabila peserta membalas suar, kerusi, kasut dan botol minuman ke arahnya.

Bagaimanapun tiada sebarang kejadian tidak diinginkan berlaku kepada bekas Perdana Menteri itu apabila beliau dan isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali diberi perlindungan oleh pengawal peribadinya dan segera dibawa keluar dari dewan.



SEORANG ahli Armada PPBM dipukul oleh ahli-ahli pertubuhan itu kerana dituduh mencetuskan kekecohan, bagaimanapun siasatan mendapati dia tidak terlibat.



Kita akan menjalankan siasatan dari semua sudut termasuk kemungkinan berlaku kecuaihan dalam program ini."

SHAFIEN MAMAT
Ketua Polis Daerah Shah Alam

Kekecohan itu turut mengejutkan pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan yang hadir, antaranya Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Presiden PPBM Datuk Seri Mukhriz Mahathir, Penasihat DAP, Lim Kit Siang dan Setiausaha Agung DAP yang belum disahkan, Lim Guan Eng.

Suasana dalam dewan terus tegang apabila beberapa lelaki bertindak menyalakan lebih banyak suar sehingga orang ramai bertemparan lari.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Shafien Mamat berkata, susulan kejadian tersebut, tiga remaja berusia 17 hingga 19 tahun ditahan oleh orang awam sebelum diserahkan kepada polis.

Katanya, dua daripada remaja terbabit merupakan pelajar kolej swasta di daerah ini manakala seorang lagi tidak lagi berse-

kolah.

"Semasa ditahan, dua daripada mereka memakai baju T berwarna merah dengan lambang Armada PPBM dan seorang lagi memakai baju T berwarna hitam.

"Kita akan menjalankan siasatan dari semua sudut termasuk kemungkinan berlaku kecuaihan dalam program ini," katanya ketika ditemui pemberita di lokasi kejadian.

Menurut Shafien, pihaknya ada menerima permohonan daripada penganjur berhubung program itu sebelum ini.

Katanya, serentak itu, pihaknya telah memanggil penganjur untuk berjumpa polis dengan memberikan beberapa syarat bagi memastikan keselamatan semua yang hadir terjamin.


"Seramai 42 anggota polis termasuk pegawai ditugaskan dalam program ini dan kita akan memanggil pihak penganjur untuk siasatan lanjut. Buat masa ini, beri ruang pihak polis menjalankan siasatan," katanya.

Sebelum ini terdapat ahli dan exco Armada PPBM melahirkan rasa ketidakpercayaan kepada kepimpinan Dr. Mahathir.

Pada Jun lepas, Excoanya, Muhammad Hafiz Azhar bersama 30 ahli mendesak agar pemimpin parti itu memberi penjelasan mengenai kekayaan anak-anak bekas Perdana Menteri itu.



KERUSI dilempar dan dirosakkan oleh peserta forum.



DR. MAHATHIR MOHAMAD semasa berucap pada Forum Nothing To Hide 2.0 yang turut dihadiri oleh Siti Hasmah Mohd. Ali dan pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan sebelum keadaan bertukar kecoh dan huru-hara.